

TEKS UCAPAN

YBHG. PROF. DR. RAHA ABDUL RAHIM

NAIB CANSELOR

ALUAN UFIS 2.0

13 SEPTEMBER 2019 (JUMAAT), 9.00 PAGI

BAYVIEW HOTEL, LANGKAWI

Yang Berbahagia Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali
Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM

Yang Berbahagia Datin Nik Roslini binti Raja Ismail
Timbalan Setiausaha, Bahagian Perolehan Kerajaan,
Kementerian Kewangan Malaysia

Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Penolong – Penolong Naib
Canselor UTeM,

Yang Berusaha Encik Khairul bin Taib
Bendahari UTeM merangkap Pengerusi UFiS 2.0

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Para Peserta Seminar, dan Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT, dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita dapat berkumpul di Pulau Lagenda Langkawi selama dua hari ini, bersempena dengan Seminar Kewangan anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka atau dengan singkatannya UFiS.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak pengajur, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, Pengurus Lembaga Pengarah UTeM kerana sudi memenuhi undangan sebagai Pengucap Utama seterusnya merasmikan seminar pada pagi ini.
3. Saya juga mengalau-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke UFiS2.0, sebagai wadah pengembangan ilmu dan perkongsian pendekatan terbaik dalam mengukuhkan lagi pengurusan kewangan di organisasi selari dengan kehendak revolusi industri 4.0

Mari dipetik sirih puan,
Sirih dipetik di pagi hari,
UFiS 2.0 UTeM anjurkan,
Menjana innovasi minda lestari.

Tuan-Tuan dan Puan – Puan sekalian,

4. Alhamdulillah, saya difahamkan bahawa bilangan penyertaan UFiS kali ini meningkat hampir 15% berbanding penyertaan dalam program UFiS yang dianjurkan pada tahun lepas.
5. Bagi pihak UTeM, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang senantiasa memberikan

sokongan berterusan yang amat baik kepada Universiti ini terutamanya dalam menyemarakkan lagi penganjuran program ilmiah seumpama ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

6. UFiS 2.0 memberikan fokus terhadap transformasi sektor awam dalam pengurusan perolehan. Ini selari dengan kehendak Kerajaan sendiri dalam memastikan semua agensi mahupun sektor yang berada di bawahnya mematuhi segala prosedur dan proses yang telah ditetapkan.

7. Pematuhan terhadap tatacara perolehan yang betul dapat memastikan segala proses yang terlibat menjadi lebih jelas, telus tanpa sebarang keraguan, sekali gus dapat meningkatkan lagi keberkesanaan dan kecekapan sesuatu tugasan mahupun pekerjaan.
8. Selain daripada itu, seminar ini juga merupakan platform terbaik dalam perkongsian amalan terbaik dari penceramah-penceramah dan pakar-pakar yang berpengalaman luas dalam bidang masing-masing, selain menjadi medan perbincangan yang menjurus terhadap isu-isu dan cabaran-cabaran berkaitan pengurusan perolehan terutama dalam

memenuhi kehendak era teknologi digital - revolusi industri 4.0.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

9. Diharapkan agar seminar ini menjadi medium terbaik dalam mengemaskini pengetahuan dan trend terbaru dalam sistem pengurusan kewangan yang lebih efisyen dan efektif.

10. Selain itu, diharapkan juga agar seminar ini dapat dijadikan sebagai *networking platform* untuk semua para

peserta yang hadir dari pelbagai latar belakang agensi yang terlibat secara langsung dalam pengurusan kewangan untuk bertukar buah fikiran dalam memastikan pengurusan dan pengoperasian organisasi yang lebih optimum.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

11. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pejabat Bendahari UTeM di atas segala komitmen tinggi dalam merealisasikan penganjuran UFiS 2.0. Tidak dilupakan, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam memberikan

kerjasama yang amat baik sepanjang seminar ini berlangsung.

12. Mudah-mudahan kita dapat dipertemukan lagi di dalam program ilmiah anjuran UTeM di masa yang akan datang.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima Kasih.